

CERPEN LEGASI TAPAI UBI

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.



KIT Kata

- melumatkan - meniadakan jantung dengan menumbuk
- ragi - sejenis bahan untuk menapai
- Prof - singkatan bagi Profesor

Aku tidak menjawab. Fikiranku melayang ke zaman kanak-kanak. Teringat aku akan bapa dan emak yang masih membuat tapai ubi sehingga kini. Barangkali bapa sedang mencabut ubi ketika ini. Atau barangkali emak sedang melumatkan ragi pagi ini. Alangkah sukarnya mereka kini kerana tiada pembantu. Dalam usia setua mereka, emak dan bapa masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi mereka. Aku kagum dengan kegigihan itu.

"Apa hubungan tapai ubi dengan bidang perubatan, Prof.?" tanyaku, apabila fikiranku tenang sedikit.

"Ada penemuan yang membuktikan bahawa tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser. Jadi kita perlu membuat kajian sama ada penemuan tersebut benar atau sebaliknya," jelas Profesor Haidar dengan yakin.

Aku mulai sedar bahawa legasi tapai ubi itu ada dalam hidupku. Sejak kecil hingga ke menara gading. Aku mula menyedari bahawa legasi itu perlu aku manfaatkan seadanya. Kini, secara kebetulan pula, tapai ubi muncul kembali dalam kehidupanku. Tidak kujangkakan sama sekali. Di peringkat pengajian tinggi ini, tapai ubi mempunyai ruang untuk dikaji dan diketengahkan.

(Dipetik daripada cerpen "Legasi Tapai Ubi", halaman 35)

Dalam usia setua mereka, emak dan bapa masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi mereka.

- 1 Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
 - A sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.
 - B hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.
 - C ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
 - D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
- 2 Berikut merupakan peristiwa yang menggunakan teknik imbas kembali, **kecuali**
 - A fikiran Parjo melayang pada zaman kanak-kanaknya.
 - B Parjo mengandaikan emaknya sedang melumatkan ragi pagi itu.
 - C tapai ubi dapat dikaji dan diketengahkan di peringkat pengajian tinggi.
- 3 Apakah andaian Parjo terhadap bapanya pada masa itu?
 - A Bapa Parjo sedang menghantar tapai ubi ke pasar untuk dijual.
 - B Bapa Parjo sedang mencabut ubi kayu untuk dibuat tapai ubi.
 - C Bapa Parjo sedang membantu emak Parjo membuat tapai ubi di dapur.
 - D Bapa Parjo sedang mengusahakan tanaman ubi di belakang rumah mereka.
- 4 Apakah hubungan tapai ubi dengan bidang perubatan?
 - A Menghasilkan pelbagai kajian
 - B Mempunyai pelbagai manfaat
 - C Mengurangkan serangan kanser
 - D Menyembuhkan penyakit jantung